

Dr. Mahathir nafi derma tanah untuk bina gereja

28 NOV 1999

KANGAR 27 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terus menjadi sasaran fitnah pembangkang yang disebarkan melalui surat layang kononnya Perdana Menteri menderma sebidang tanah miliknya bagi membina sebuah gereja.

Perdana Menteri pada sidang akhbar setelah berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Padang Majlis Perbandaran Kangar di sini, hari ini, menafikan beliau berbuat demikian.

Menurut Dr. Mahathir, pada masa ini beliau sendiri sebenarnya tidak memiliki tanah sehingga membolehkannya menderma tanah kepada pihak tertentu.

“Saya tidak ada tanah pun, tak tahulah mungkin itu dah lama, tapi surat itu bukan mengandungi tanda tangan saya. Kalau jual (beri) kepada siapa, bagaimana kata saya punya,” tanya beliau.

Peribadi

Beliau menganggap penyebaran surat seumpama itu bertujuan untuk memburukkan peribadinya menjelang pilihan raya ini.

Bagaimanapun, Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu tidak menjelaskan di mana tanah dan gereja seperti yang terkandung dalam surat tersebut.

“Surat itu dilakukan oleh kaki penipu kerana memakai kepala surat yang diciplak serta tidak mempunyai tandatangan saya,” tegasnya.

Dr. Mahathir turut menjangka akan semakin banyak surat fitnah seumpama itu akan disebarkan oleh pembangkang pada saat-saat akhir sebelum tarikh pengundian pada 29 November ini.